

13.5.2023

KENYATAAN MEDIA

oleh Ir. PATHMANATHAN K.
CEO, PBA HOLDINGS BHD DAN PBAPP

LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA: MODUL BAHARU RM31 JUTA AKAN BEROPERASI JANUARI 2024

- **Pakej 12A akan meningkatkan kapasiti reka bentuk rawatan air maksimum Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua sebanyak 114 juta liter sehari (JLH) menjelang 2024.**

PULAU PINANG, Sabtu, 13.5.2023: Kerja-kerja pembinaan modul rawatan air baharu di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua sedang disegerakan untuk meningkatkan kapasiti rawatan air maksimum LRA secepat mungkin.

Modul baharu, dinamakan “Pakej 12A”, dijangka siap menjelang Disember 2023 dan beroperasi pada Januari 2024.

Berikut ialah butiran penting mengenai Pakej 12A:

1	Kos pembangunan (Pelaburan oleh PBAPP)	RM31 juta
2	Kapasiti rawatan air maksimum	114 juta liter sehari (JLH)
3	Teknologi Rawatan Air	Rawatan air konvensional
4	Sumber air mentah	<ul style="list-style-type: none"> • Sungai Muda • Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD)
5	Kerja bermula	March 2022
6	Jangkaan siap/ pengoperasian	Disember 2023/Januari 2024
7	Faedah utama	<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran lebih banyak air terawat untuk memenuhi permintaan air yang tinggi menjelang 2030. • Menaik taraf jadual penyelenggaraan loji di LRA Sungai Dua dengan risiko gangguan bekalan air yang lebih rendah.
8	Penerima manfaat utama	Kira-kira 676,857* pengguna air domestik dan bukan domestik di Seberang Perai dan Pulau Pinang.

*Pengguna Domestik dan Bukan Domestik bagi tahun 2022

Pembangunan Pakej 12A menandakan satu lembaran baharu dalam sejarah LRA Sungai Dua, LRA terbesar dan terpenting di Pulau Pinang.

Meningkatkan kapasiti rawatan maksimum LRA Sungai Dua kepada 1,342 JLH

LRA Sungai Dua merupakan aset bekalan air terpenting di Pulau Pinang kerana ia menghasilkan kira-kira 83.51% air terawat yang dibekalkan oleh PBAPP pada tahun 2022.

Kira-kira 64.57% air terawat daripada loji ini telah dibekalkan kepada pengguna di seluruh kawasan Seberang Perai. Baki 35.43% telah dibekalkan kepada pengguna di Pulau Pinang (air terawat dari loji telah dipam dari tanah besar ke pulau melalui 3 set saluran paip berkembar dasar laut).

Kapasiti rawatan reka bentuk maksimum LRA Sungai Dua telah dinaik taraf daripada 143 JLH pada 1973 kepada 1,228 JLH pada 2023. Dengan pengoperasian Pakej 12A pada Januari 2024, kapasiti reka bentuk maksimum rawatan LRA ini akan mencapai 1,342 JLH.

Sumber air mentah utama untuk LRA Sungai Dua adalah Sungai Muda. Terdapat had kepada isipadu air mentah yang mungkin diabstrak oleh PBAPP dari Sungai Muda, hilir 14 LRA Kedah dan 4 muka sauk pengairan. Oleh itu, Pakej 12A mungkin modul pembangunan terakhir untuk LRA Sungai Dua.

Sumber air mentah sekunder atau sandaran untuk LRA Sungai Dua ialah Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD). Buat masa ini, rizab air mentah daripada EMD hanya dikhaskan untuk kegunaan di Sungai Dua sahaja semasa musim kemarau atau senario kecemasan.

Menyahpusatkan pengeluaran air terawat

Memandang ke hadapan, PBAPP merancang untuk membina kemudahan rawatan air baharu di lokasi lain untuk memanfaatkan sumber air mentah lain secara khusus seperti EMD, Sungai Kerian, Sungai Muda dan Sungai Perai di bawah Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030).

Langkah PBAPP untuk menyahpusatkan pengeluaran air terawat di Seberang Perai juga akan merasionalkan kos dan secara langsung menangani keperluan daerah tertentu.

Sebagai contoh, PBAPP merancang untuk mempercepatkan pembangunan LRA Sungai Kerian, Fasa 1, bagi menghasilkan lebih banyak air terawat dan memenuhi keperluan bekalan air di Seberang Perai Selatan (SPS).

Bagaimanapun, kita perlu bekerjasama dengan Pejabat Tanah dan Galian Negeri

untuk menyelesaikan isu pengambilan tanah dengan cepat di tapak cadangan pembangunan di SPS sebelum memberikan sebarang kontrak kerja pembangunan.

Sementara itu, PBAPP akan melaksanakan projek interim di bawah “Pelan Tindak Balas Seberang Perai Selatan 2023” (SPS 2023RP).

PBAPP akan mendedahkan butiran teknikal penuh SPS 2023RP minggu depan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my